

**TEKS UCAPAN**

**YB DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF**

**MENTERI KANAN KERJA RAYA**

**SEMPENA**

**Majlis Penyerahan Projek Menaik Taraf Laluan Persekutuan FT001 Dari Persimpangan Permatang Keling (Sek 720) ke Jambatan Di atas Sg. Junjung, Simpang Empat (Sek. 740), Daerah Seberang Perai Selatan Pulau Pinang**

**&**

**Majlis Menaik Taraf Jambatan Ft001/724/5 Merentasi Sungai Kerian Dan Membina Jejambat Merentasi Persimpangan Jalan Persekutuan ke Jalan Transkrian Ft001/FT283, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang**

***PADA***

**28 September 2021  
(Selasa)**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera

(Solutasi Terkini Akan Dilampirkan)

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT, kerana dengan limpah kurnia dan izinNya jua, kita dapat bersama-sama menjayakan Penyerahan Projek Menaik Taraf Laluan Persekutuan FT001 Dari Persimpangan Permatang Keling (Sek.720) ke Jambatan Di atas Sg. Junjung, Simpang Empat (Sek.740), Daerah Seberang Perai Selatan dan Majlis Perasmian Projek Menaik Taraf Jambatan Ft.001/724/5 Merentasi Sungai Kerian dan Membina Jejambat Merentasi Persimpangan Jalan Persekutuan ke Jalan Transkrian FT.001/FT283, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang.

2. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada Pengarah JKR Pulau Pinang, Jurutera Daerah Seberang Perai Selatan dan Jawatankuasa Pengelola Majlis yang telah bertungkus-lumus membuat persiapan bagi memastikan acara ringkas pada hari ini berjalan lancar dengan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan.

Hadirin Yang Saya Hormati Sekalian,

3. Dalam keadaan semasa yang menyaksikan kerajaan memberi tumpuan kepada usaha menangani pandemik COVID-19 dan usaha pemulihan negara, peranan dan tanggungjawab JKR sebagai pelaksana kepada projek-projek infra berkepentingan rakyat perlu diteruskan demi kesejahteraan Keluarga Malaysia. Kita seharusnya bersyukur kerana kerajaan sentiasa memberikan

sokongan dan bantuan untuk memastikan setiap projek dapat diteruskan seperti yang telah dirancang.

4. Tahniah saya ucapkan kepada Seleksi Sensasi Sdn. Bhd. kontraktor yang telah berjaya menyiapkan mengikut jadual, Projek Menaik Taraf Laluan Persekutuan FT001 Dari Persimpangan Permatang Keling (Sek 720) ke Jambatan Di atas Sg. Junjung, Simpang Empat (Sek. 740), Daerah Seberang Perai Selatan Pulau Pinang. Projek ini telah diberi milik tapak pada 5 Disember 2017 dan telah berjaya disiapkan 2 hari lebih awal dari tarikh siap semasa iaitu pada 24 Februari 2021. Penyiapan projek ini dapat menyelesaikan isu kesesakan lalu lintas akibat laluan yang sempit dan merbahaya khususnya ketika waktu puncak. Manakala kerja-kerja naik taraf sistem perparitan di kawasan ini juga diharap dapat menangani isu-isu berkaitan banjir kilat di sekitar kawasan berkenaan.

Hadirin Yang Saya Hormati Sekalian,

5. Pada majlis ini juga, kita akan merasmikan projek menaik taraf jambatan Ft.001/724/5 yang merentasi Sungai Kerian dan membina jejambat merentasi persimpangan Jalan Persekutuan ke Jalan Transkrian FT.001/FT283, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang. Ia adalah kesinambungan kepada projek yang akan diserahkan pada hari ini. Alhamdulillah, projek ini telah diberi milik tapak kepada kontraktor yang berjaya iaitu Besteel Engtech Sdn. Bhd pada 8 Julai 2021 dan tarikh siap dijadualkan pada 7 Julai 2024. Tempoh projek adalah selama 36 bulan dengan nilai kontrak RM 209,000,000.00.

6. Untuk makluman semua, skop utama projek ini merangkumi:-  
a. Menaik taraf jalan daripada dua (2) lorong kepada empat (4) lorong dua (2) hala dengan piawaian U5 sepanjang 1.35 km;

- b. Menaik taraf 1 persimpangan at grade di FT001/FT283, Jalan Transkrian;
- c. Membina sebuah (1) jejambat di persimpangan USM FT001/FT283, Jalan Transkrian dan
- d. Membina sebuah (1) jambatan baharu di Sungai Kerian.

7. Sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin mengingatkan kontraktor yang terpilih supaya melaksanakan kerja-kerja pembinaan mengikut jadual, kualiti dan spesifikasi yang telah ditetapkan. Pemantauan secara berkala sangat penting dilakukan, bagi memastikan kelancaran projek ini. Pihak JKR yang mewakili kerajaan Persekutuan dalam projek-projek pembinaan perlulah bertanggungjawab bagi memastikan agenda pembangunan negara dapat dilaksanakan dengan sebaik-baiknya. Insya-Allah, setiap amanah yang diberi akan terhasil dengan sempurna sekiranya dilaksanakan dengan penuh rasa tanggungjawab dan nilai integriti yang tinggi.

6. Akhir kata, saya dengan ini merasmikan Penyerahan Projek Menaik Taraf Laluan Persekutuan Dari Persimpangan Permatang Keling ke Jambatan Di atas Sg. Junjung, Simpang Empat, Daerah Seberang Perai Selatan dan Merasmikan Projek Menaik Taraf Jambatan Merentasi Sungai Kerian dan Membina Jejambat Merentasi Persimpangan Jalan Persekutuan ke Jalan Transkrian, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang.

Sekian,

Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.